

**UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATUK DR ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH  
TIMBALAN MENTERI SAINS TEKNOLOGI & INOVASI**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUP**

**MALAYSIA POLYTECHNIC: TOURISM &**

**HOSPITALITY GOLDEN IDEAS IN**

**ENTREPRENEURSHIP & INNOVATION TVET**

**AWARD**

**25 SEPT 2013 (RABU)**

**BERTEMPAT DI**

**DEWAN PLATINUM POLITEKNIK MERLIMAU**

BISMILLAHIR RAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBT  
SALAM MELAKA MAJU NEGERIKU  
SAYANG NEGERI BANDAR TEKNOLOGI  
HIJAU, MELAKA 751 TAHUN

YANG SAYA HORMATI  
PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA  
DATUK HJ MOHLIS BIN JAAFAR  
KETUA PENGARAH JABATAN  
PENGAJIAN POLITEKNIK KEMENTERIAN  
PENGAJIAN TINGGI

YANG BERUSAHA  
MEJAR (KEHORMAT) ZOLKARNAIN BIN  
HJ. JOBSHI  
PENGARAH POLITEKNIK MERLIMAU

YANG DIHORMATI  
PENGARAH-PENGARAH      POLITEKNIK  
MALAYSIA

YANG BERUSAHA  
TIMBALAN-TIMBALAN PENGARAH  
KETUA-KETUA JABATAN  
KETUA-KETUA      UNIT      DAN      PARA  
PENSYARAH POLITEKNIK  
SEMUA      PESERTA      DAN      URUSETIA  
PERTANDINGAN SERTA  
RAKAN      MEDIA YANG YANG DIKASIHI  
DAN DIHORMATI SEKALIAN.

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYUKUR KEHADRAT ILAHI ATAS LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP MALAYSIA POLYTECHNIC: TOURISM & HOSPITALITY GOLDEN IDEAS IN ENTREPRENEURSHIP & INNOVATION TVET AWARD
  
2. SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK URUSETIA PERTANDINGAN ATAS KESUDIAN MENJEMPUT SAYA UNTUK BERSAMA WARGA POLITEKNIK PADA PETANG YANG BERBAHAGIAINI.

## HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

3. SEPERTI YANG KITA SEDIA MAKLUM, MALAYSIA SEDANG MENUJU MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU DAN BERPENDAPATAN TINGGI MENJELANG TAHUN 2020. BAGI MEREALISASIKAN HASRAT ITU, NEGARA AMAT MEMERLUKAN RAKYAT YANG BERPENGETAHUAN DAN MEMPUNYAI DAYA KREATIVITI, INOVASI SERTA NILAI TAMBAH YANG TINGGI. SEHUBUNGAN ITU, PELBAGAI USAHA DILAKSANAKAN UNTUK MEMASTIKAN HASRAT TERSEBUT BERJAYA DIJELMAKAN, DAN SAYA

GEMBIRA HARI INI APABILA PIHAK POLITEKNIK TIDAK TERKECUALI MEMAINKAN PERANAN TERSEBUT MELALUI PROGRAMINI YANG MENCUNGKIL DAN MEMBUKA RUANG KEPADA PELAJAR MEMBANGUNKAN “GOLDEN IDEAS” DAN “INOVASI” BERFOKUSKAN KEPADA KEUSAHAWANAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI.

4. DARI SEGI ASPEK BIDANG PELANCONGAN DAN HOSPITALITI, SESEBUAH NEGARA YANG BERJAYA MEMANIPULASIKAN PANORAMA PERSEKITARAN YANG CANTIK, TINGGALAN SEJARAH, KEUNIKAN BUDAYA, KEMAJUAN EKONOMI, PELUANG PENDIDIKAN DAN RAWATAN, SERTA PENGANJURAN ACARA BERTARAF ANTARABANGSA AKAN MENARIK KADAR KETIBAAN PELANCONG YANG TINGGI DARI SERATA PELOSOK DUNIA.

5. SEKTOR PELANCONGAN BUKAN SAHAJA BOLEH MENJADI SEBAGAI PENYUMBANG BESAR PENDAPATAN NEGARA, BAHKAN MENJANA KESAN PENGGANDA YANG BESAR DALAM KEGIATAN EKONOMI. PELUANG PEKERJAAN DAN PENYELIDIKAN DALAM BIDANG PELANCONGAN JUGA DAPAT DIKEMBANGKAN SECARA LEBIH AGRESIF. DENGAN INOVASI SEPERTI KEMUDAHAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN, KEBERKESANAN KOS DALAM ASPEK PEMASARAN PELANCONGAN DAPAT DIOPTIMUMKAN.

6. SEHUBUNGAN ITU, SAYA  
BERHARAP ASPEK  
KEUSAHAWANAN YANG  
DITERAPKAN DALAM PROGRAM  
INI AKAN MENJADI SALAH SATU  
USAHA MURNI POLITEKNIK BAGI  
MENYAHUT SERUAN KERAJAAN  
DALAM MELAHIRKAN SEBERAPA  
RAMAI GOLONGAN USAHAWAN  
MUDA KHUSUSNYA GOLONGAN  
REMAJA SEBAGAI KERJAYA  
PILIHAN.

## HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

7. POLITEKNIK KINI SEDANG MEMIKUL CABARAN BESAR APABILA PERLU MELAHIRKAN GRADUAN DALAM BIDANG TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) YANG MAMPU MENJADI SALAH SATU GOLONGAN PENTING DALAM PEMBANGUNAN NEGARA. PEMBINAAN WATAK DAN NILAI TAMBAH YANG BERKUALITI JUGA MENJADI PENENTU KEBOLEHPASARAN GRADUAN DALAM MENEMPATKAN TEMPAT DALAM INDUSTRI NEGARA. JUSTERU ITU, PELUANG-PELUANG MENDEKATKAN DIRI KE INDUSTRI SEBENAR KETIKA MASIH LAGI BERGELAR MAHASISWA

PERLULAH DIREBUT DENGAN BAIK. DENGAN PENGANJURAN PROGRAM SEBEGINI, IANYA MENJADI PLATFORM TERBAIK BAGI POLITEKNIK MEMPAMERKAN PENGETAHUAN DAN KETRAMPILAN PELAJAR BIDANG PELANCONGAN DAN HOSPITALITI KEPADA SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN SEPERTI BAKAL MAJIKAN, PERSATUAN INDUSTRI, BAKAL PELAJAR DAN MASYARAKAT UMUM.

8. SELAIN DARIPADA ITU, PELAKSANAAN PROGRAM INI JUGA DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA PELAJAR MELIHAT DAN MENGALAMI SENDIRI PENGETAHUAN DAN KETRAMPILAN YANG DIPERLUKAN OLEH INDUSTRI DAN PERSIAPAN SEBELUM MEREKA MEMASUKI ALAM PEKERJAAN. SECARA TIDAK LANGSUNG, PROGRAM INI DAPAT MEMBERI PERSEPSI YANG BAIK KEPADA PIHAK INDUSTRI TERHADAP POTENSI PELAJAR LULUSAN POLITEKNIK.

## HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

9. PIHAK KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI, SEMEMANGNYA AMAT BERBESAR HATI AKTIVITI-AKTIVITI YANG MENGGABUNGKAN INOVASI DAN KEUSAHAWANAN DILAKSANAKAN DALAM SETIAP PERINGKAT MASYARAKAT. SAYA BERHARAP PROGRAMINI DAPAT DITERUSKAN DAN PARA PELAJAR YANG TERLIBAT DAPAT MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN YANG DIPEROLEHI SEPANJANG PROGRAMINI BERLANGSUNG. SEMOGA BUDAYA INOVASI DAN KEUSAHAWANAN DAPAT MENJADI KEKUATAN DAN TUNJANG

KEPADA KEJAYAAN SELURUH  
WARGA POLITEKNIK.

10. AKHIR KATA, KEPADA PARA SISWA BAKAL PEMIMPIN MASA HADAPAN SEMEMANGNYA DIHARAPKAN DAPAT MEMERSIAPKAN DIRI DALAM PELBAGAI ASPEK UNTUK MENGHADAPI CABARAN DUNIA LUAR YANG JAUH LEBIH MENCABAR. SEMOGA KEJAYAAN HIDUP MENGIRINGI PELAJAR- PELAJAR POLITEKNIK DAN POLITEKNIK AKAN MENJADI SEBUAH INSTITUSI YANG BERJASA KEPADA NEGARA.

11. KEPADA PIHAK  
JAWATANKUASA KERJA  
TERUTAMA KEPADA POLITEKNIK  
MERLIMAU, SAYA MENGUCAPKAN  
SYABAS DAN TAHNIAH ATAS  
PENGANJURAN MAJLISINI.  
DENGAN LAFAZ MULIA  
BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
SAYA DENGANINI MERASMIKAN  
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
MALAYSIA POLYTECHNIC:  
TOURISM & HOSPITALITY GOLDEN  
IDEAS IN ENTREPRENEURSHIP &  
INNOVATION TVET AWARD

SEKIAN, TERIMA KASIH.